

30/07/2002

## Peluang kenaikan pangkat tanpa sekatan

PUTRAJAYA, Isnin - Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1 November ini, mengurangkan rasa tidak puas hati kakitangan awam terhadap ketua jabatan, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Katanya, ini kerana SSM membuka ruang luas kepada pegawai dan kakitangan untuk mendapat anjakan gaji termasuk kenaikan pangkat tanpa sekatan.

"Ia adalah satu sistem yang mengelakkan perkara ini (sekatan) berlaku secara berleluasa sehingga mengehad anjakan gaji kakitangan termasuk untuk kenaikan pangkat.

"Menerusi SSM, semua kakitangan awam hanya perlu mengambil ujian dan menghadiri kursus untuk sebarang kenaikan dan tidak lagi bergantung kepada Ketua Jabatan.

"Ini bermakna ketua jabatan sudah tidak mempunyai kuasa penuh untuk menentukan pegawai bawahannya menerima kenaikan gaji dan pangkat, sekali gus mengurangkan rasa tidak puas hati kakitangan terhadap ketua jabatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pelaksanaan SSM yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kerajaan sudah memikirkan sistem yang terbaik, biar kita sama-sama berganding bahu menunaikan tanggungjawab sebagai pegawai awam yang bukan saja perlu memiliki kemahiran dan pengetahuan, tetapi mempunyai amalan dan sikap supaya dapat menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, berkata penilaian prestasi setiap kakitangan awam yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2003 bagi menentukan pergerakan gaji 2004 berasaskan SSM, memberi ruang kepada kakitangan bersedia dengan sistem itu.

Bagaimanapun katanya, JPA tidak akan menentukan bilangan atau peratusan pegawai serta kakitangan awam untuk menerima gaji seperti yang diamalkan sebelum ini menerusi SSB, sebaliknya semua pegawai diberi peluang menduduki kursus atau peperiksaan yang dikendalikan Lembaga Peperiksaan Awam.

Katanya, kerajaan bersetuju mengubah suai Sistem Penilaian Prestasi dengan menubuhkan Panel Pembangunan Sumber Manusia di setiap jabatan bagi mengkaji semua perkara berkaitan kerjaya anggota perkhidmatan.

"Kita beri opsyen satu bulan sebelum November dan sesiapa yang memilih SSM mendapat bayaran khas," katanya.

Sementara itu, Gabungan Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) yakin SSM mampu meningkatkan produktiviti kakitangan awam.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata ini kerana kenaikan gaji dan pangkat akan ditentukan berasaskan potensi atau kebolehan dan bukan lagi kuota lima peratus yang ditentukan ketua jabatan.